

DATE: 11 / 4 / 2010

# PM angkat martabat Malaysia di Washington

*Edi - 11/04/2010*  
Najib wakil tunggal Asean adakan rundingan dengan Obama

Mior Kamarul  
Shahid  
di Washington



**W**ASHINGTON: Duta Seri Najib Razak yang tiba untuk melakukan lawatan kerja seminggu ke Amerika Syarikat (AS) hari ini, meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara terpenting daripada 48 negara yang menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di sini.

Lawatan Perdana Menteri diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor itu bukan sekadar memenuhi undangan Presiden Barack Obama, malah Najib adalah antara sembilan pemimpin dunia, negara Islam dan negara tunggal Asean yang diiktiraf dan diberi penghormatan mengadakan rundingan dua hala dengan Obama.

Pertemuan dua hala itu diadakan esok yang mana Malaysia dianggap sebagai negara contoh khasnya di kalangan negara Islam yang

mengutamakan keamanan sejagat.

Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat (AS), Duta Seri Dr Jamaluddin Jarjis, berkata Perdana Menteri menerima undangan Obama kerana melihat perubahan sikap AS terhadap negara Islam.

Obama, kata Jamaluddin, membuat suatu anjakan perubahan dari segi hubungan dan keterbukaannya dengan negara Islam dan mahu berbaik-baik dengan negara Islam.

"Jika inilah kaedah anjakan baru AS, sudah semestinya kerajaan boleh menimbang untuk mengkaji semula hubungan dengan AS," katanya.

Dalam rangka jadual yang amat padat, Najib juga akan berunding dengan Naib Presiden AS, Joe Biden yang sudah menyatakan kesediaannya untuk menemui Najib.

Najib juga akan berbin-cang dengan Timbalan Setia-usaha Negara, James Steinberg, Anggota Kongres Howard Berman yang juga

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Negara, Dewan Perwakilan dan Presiden Bank Dunia, Robert B Zoellick.

Selain Ahli Kongres dan Senat mewakili Demokrat dan Republikan, Perdana Menteri akan juga mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua eksekutif syarikat terkemuka, pelabur dan pengusaha, modal teroka, kumpulan percambahan idea (think-tank) dan sebagainya.

Dari segi ekonomi, Jamaluddin berharap lawatan ini membuahkan hasil dengan menembusi pasaran AS dan membuka peluang perniagaan kepada pengusaha Malaysia di AS di samping men-

dapatkan teknologi, modal teroka dan peluang pelajaran.

Beliau berkata, Perdana Menteri akan juga mempromosikan negara untuk meningkatkan bidang pelancongan. Untuk itu beliau akan melancarkan Pesta Wajah-Wajah Malaysia di sini yang diadakan sempena pesta Cherry Blossom (bunga sakura) di sini. Keistimewaan bunga sakura ini ialah ia hanya berbunga dalam tempoh dua minggu yang jatuh pada minggu ini.

Najib juga diundang berucap di beberapa forum termasuk forum ekonomi yang mana beliau akan menjelaskan mengenai Model Ekonomi Baru (MEB) dan pengalaman negara menghadapi ancaman komunis.

Di New York pada 16 April, Perdana Menteri menyambung pertemuan dengan ahli perniagaan lain.

Turut serta dalam rombongannya ialah Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Duta Seri Dr Rais Yatim.

FAKTA NOMBOR

48

negara

Hadiri Sidang Kemuncak  
Keselamatan Nuklear